

Bab 8 Pilihan Raya

Latihan Pengukuhan

1. Pilih jawapan yang betul untuk melengkapkan maklumat di bawah.

- a. Atas persetujuan Raja-Raja Melayu, Pilihan Raya Umum Pertama akan diadakan bagi memilih anggota

A	Majlis Perundingan Persekutuan (MPP)	B	Majlis Perbandaran
---	--------------------------------------	---	--------------------

- b. Proses pilihan raya bermula setelah penetapan bilangan ahli MPP, penentuan sempadan, pendaftaran, pengundi, penamaan calon, mengadakan kempen, mengundi, pengiraan undi dan

A	pengisytiharan kekalahan	B	pengumuman keputusan
---	--------------------------	---	----------------------

- c. Pada 1 Februari 1954, Jawatankuasa Pilihan Raya dibentuk untuk mengkaji hal ehwal pilihan raya yang dianggotai oleh

A	46 orang ahli	B	100 orang ahli
---	---------------	---	----------------

- d. Jawatankuasa Pilihan Raya mengeluarkan dua bentuk Penyata Susunan MPP yang dinamakan Bentuk A dan

A	Bentuk Z	B	Bentuk B
---	----------	---	----------

- e. Pada bulan April 1954, Tunku Abdul Rahman, Tan Cheng Lock, T.H.Tan dan Dato' Abdul Razak Hussein berangkat ke London untuk merundingkan tentang

A	tarikh pilihan raya	B	bilangan anggota MPP
---	---------------------	---	----------------------

- f. Pada bulan Mei 1954, Tunku Abdul Rahman mengadakan rundingan dengan Oliver Lyttelton untuk mendapatkan tiga perlima ahli MPP dipilih melalui

A	pilihan raya	B	lantikan oleh Pesuruhjaya Tinggi
---	--------------	---	----------------------------------

- g. Akhirnya selepas dipersetujui oleh British dan Parti Perikatan, bilangan ahli MPP yang akan dipilih melalui pilihan raya ialah sebanyak

A	52 orang	B	40 orang
---	----------	---	----------

- h. Oleh sebab persetujuan hanya dicapai pada awal bulan Julai 1954, maka pilihan raya akan diadakan pada

A	tahun 1955	B	tahun 1957
---	------------	---	------------

- i. Pada 18 Ogos 1954, Rang Undang-Undang Pilihan Raya Persekutuan Tanah Melayu diluluskan bagi membolehkan diadakan Pilihan Raya Persekutuan sebagai langkah awal ke arah

A	pemodenan	B	kemerdekaan
---	-----------	---	-------------